



Generali Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran: 197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,

27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121

Emel: customer.service.gi@generali.com.my

www.generali.com.my

Tarikh: hh/bb/tttt

Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Generali Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

BORANG CADANGAN MULTI-BIZ PROTECTOR ENHANCED

YA! Perniagaan saya memenuhi terma dan syarat berikut:

- ✓ Kelas pembinaan 1A* – dinding bata/konkrit dan berbumbung dengan bahan tidak mudah terbakar atau
 - ✓ Kelas pembinaan 1B* – sebahagian dinding bata/konkrit dan berbumbung dengan bahan tidak mudah terbakar
- *Nota: Rujuk kepada Jadual Tarif Kebakaran yang Disemak Semula untuk maklumat lanjut*
- ✓ Tiada pengalaman tuntutan bagi tempoh 2 tahun yang lalu
 - ✓ Semua pintu masuk ke premis saya dilindungi dengan pintu pengatup gulung/pintu kaca/gril besi dan mangga
 - ✓ Cadangan insurans pada masa ini tidak pernah ditolak, dibatalkan, tidak diperbaharui atau dikenakan syarat khas oleh mana-mana syarikat insurans lain

Sekiranya perniagaan anda tidak memenuhi terma dan syarat di atas, sila hubungi kami di 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121 atau email kepada customer.service.gi@generali.com.my

NOTIS PENTING

1. Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon Insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, adalah menjadi kewajipan Anda untuk mendedahkan sebarang perkara yang Anda tahu dan relevan mengenainya untuk Kami membuat keputusan dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan dan sebarang perkara di mana seseorang yang munasabah dalam keadaan tersebut dijangka untuk mengetahuinya, jika tidak ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini) ini tidak tepat atau telah berubah. Anda diwajibkan untuk mendedahkan sebarang perkara yang berkaitan kecuali jika pendedahan tersebut mengurangkan risiko kepada Kami, merupakan pengetahuan umum, berada dalam pengetahuan Kami dan/atau dalam urusan biasa perniagaan Kami atau Kami telah mengetepikan keperluan pendedahan tersebut. Sekiranya anda gagal memberikan jawapan yang berkaitan dan/atau lengkap dalam Borang Cadangan atau apabila Anda telah diminta oleh Kami tetapi perkara tersebut tidak diteruskan oleh Kami, Anda dianggap telah dikesualikan oleh Kami daripada membuat pendedahan selanjutnya.
2. Data peribadi ("Data Peribadi") yang dikemukakan dan dikumpul daripada Anda boleh digunakan oleh Kami dan/atau mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat Generali dan/atau mana-mana syarikat bersekutunya, di dalam atau di luar Malaysia, untuk tujuan yang berkaitan dengan perniagaan insurans atau pemasaran langsung kami. Sehubungan dengan ini, Kami boleh mendedahkan maklumat Anda (termasuk Data Peribadi Anda) kepada mana-mana syarikat yang disebutkan di atas. Kami juga boleh mendedahkan maklumat anda (termasuk Data Peribadi Anda) kepada mana-mana pihak ketiga lain (termasuk penyedia perkhidmatan pihak ketiga, penanggung insurans semula, penyelaras/penyiasat tuntutan, persatuan industri yang berkaitan, pengawal selia, badan berkanun, pihak berkuasa kerajaan dan mana-mana orang yang berada di bawah kewajipan kerahsiaan dan/atau yang telah melaksanakan tanggungjawab untuk menyimpan data tersebut sulit). Senarai lengkap pendedahan kami kepada pihak ketiga boleh didapati di Notis Data Privasi di laman web Kami. Kami akan berhenti menggunakan Data Peribadi jika anda meminta Kami untuk berbuat demikian. Untuk maklumat lanjut tentang cara untuk melaksanakan hak Anda, sila rujuk kepada "Notis Data Privasi" di mukasurat 9 atau laman web Kami di www.generali.com.my
3. JAMINAN PREMIUM 60 HARI: Dengan adanya jaminan ini, polisi insurans akan dibatalkan secara automatik melainkan premium penuh dibayar kepada Penanggung Insurans dalam tempoh 60 hari dari tarikh perlindungan berkuatkuasa. Jika urusan insurans dibuat melalui broker insurans Anda, maka broker tersebut akan membentuk kontrak insurans ini bagi pihak Anda. Pembayaran premium kepada broker perlu dibuat secepat mungkin dan dalam tempoh 60 hari jaminan premium bagi membolehkan broker Anda membuat bayaran awal kepada Penanggung Insurans. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan resit broker dan resit Penanggung Insurans bagi premium yang telah dibayar, daripada broker Anda.
4. Perlindungan tidak akan berkuatkuasa sebelum cadangan bertulis diterima oleh syarikat kami.
5. Premium yang dikenakan untuk Polisi ini tidak termasuk cukai terpakai yang boleh dikenakan pada masa hadapan dan dari semasa ke semasa, Kami berhak untuk memperolehi daripada Anda sebarang cukai yang perlu dibayar di bawah peruntukan undang-undang.
6. Borang Cadangan ini merupakan sebahagian daripada kontrak polisi.
7. Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (Luar Negara: +603 2174 1717) Laman Web BNMLINK: bnm.gov.my/BNMLINK

Semua soalan hendaklah dijawab sepenuhnya – tanda dan sengkang tidak memadai. Sila tulis dengan huruf besar dan tandakan (✓) pada yang berkenaan.

SEKSYEN I – INSURANS KEBAKARAN (Mandatori)

Sila tandakan (✓) dan lengkapkan.

Harta untuk Diinsuranskan	Jumlah Diinsuranskan (RM)
☐ Bangunan	
☐ Perabot, Lekapan serta Kelengkapan Perniagaan	
☐ Loji serta Jentera	
☐ Pembuangan Sisa	
☐ Sewa bagi _____ bulan	
☐ Stok dagangan (Jenis barangan: _____)	
☐ Lain-lain (sila nyatakan)	
Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan	

Nota: Sila pastikan Jumlah Diinsuranskan ke atas bangunan/kandungan adalah mencukupi.

Peril Khas (Sila Pilih Lanjutan yang Diperlukan)

Kadar dalam Peratusan (%) daripada Jumlah Diinsuranskan

☐ Kerosakan Pesawat	0.005
☐ Gempa Bumi, Letusan Gunung Berapi	0.010
☐ Ribut, Angin kencang	0.015
☐ Banjir*	0.086
☐ Letupan - Industri tanpa dandang	0.006
☐ Letupan - Industri/Bukan Industri dengan dandang	0.008
☐ Letupan - Bukan Industri tanpa dandang	0.005
☐ Kerosakan Hentaman (Tidak Termasuk Kenderaan Pihak Diinsuranskan)	0.004
☐ Kerosakan Hentaman (Termasuk Kenderaan Pihak Diinsuranskan)	0.004
☐ Kebocoran/Limpahan daripada Tangki/Paip air (>5 tingkat)	0.006
☐ Kebocoran/Limpahan daripada Tangki/Paip air (lain-lain)	0.005
☐ Rusuhan, Mogok & Kerosakan Berniat Jahat	0.014
☐ Kebakaran Belukar/Lalang	0.005
☐ Penenggelaman dan Tanah Runtuh (Perlindungan Standard)*	0.081
☐ Pembakaran Spontan (Kebakaran Sahaja)	0.081
☐ Pembakaran Spontan (Perlindungan Penuh)	0.161
☐ Kerosakan yang disebabkan oleh Pokok Tumbang atau Ranting	0.010
☐ Kebocoran Pemercik Api (Bangunan)	0.005
☐ Kebocoran Pemercik Api (Kandungan)	0.025
☐ Klausula Pemasangan Elektrik (B)	0.056
☐ Perlindungan Limpahan Pembetung (>5 tingkat)	0.006
☐ Perlindungan Limpahan Pembetung (lain-lain)	0.005

Nota: *Peril Banjir dan Penenggelaman & Tanah Runtuh hanya boleh ditambah

*Tertakluk tiada tuntutan dilaporkan dalam tempoh 2 tahun yang lalu.

SEKSYEN II – KERUGIAN TURUTAN KEBAKARAN (Pilihan)

Saya ingin mendapatkan tempoh indemniti selama ☐ 6 bulan ☐ 12 bulan ☐ Lain-lain _____ bagi membolehkan perniagaan saya pulih daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat dan/atau peril luaran.

Jumlah Tahunan untuk diinsuranskan: (Sila tandakan (✓) untuk perlindungan yang diperlukan serta dengan lengkap.)

☐ Untung Kasar	atau	☐ Hasil Kasar/Sewa	RM
☐ Yuran Juruaudit			RM
☐ Peningkatan Kos Kerja			RM
☐ Lain-lain (sila nyatakan): _____			

Sambungan: ☐ Pencegahan Laluan

Kegagalan Utiliti Awam: ☐ Bekalan elektrik

☐ Bekalan air

☐ Bekalan gas

Nota: Sila kemukakan butiran pada helaian berasingan sekiranya maklumat melebihi yang dinyatakan di atas.

SEKSYEN III – INSURANS SEMUA RISIKO (Pilihan)

Perkara Yang Dilindungi	Jumlah Diinsuranskan (RM)
3.1 Ke atas Peralatan Pejabat, komputer dan periferal	
3.2 Perabot dan Kelengkapan	
Jumlah Keseluruhan Yang Diinsuranskan	

Nota: Anda boleh melampirkan maklumat pada helaian berasingan sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi.

PERLINDUNGAN		JUMLAH DIINSURANSKAN			
Wajib					
Seksyen I: Kebakaran (Mandatori)					
Kerosakan ke atas harta yang diinsuranskan akibat kebakaran, kilat dan peril tambahan		Ditentukan Oleh Pihak Diinsuranskan			
Pilihan					
Seksyen II: Kerugian Turutan					
Kerugian untung kasar/hasil kasar/upah atau peningkatan kos kerja sekiranya perniagaan anda terganggu		Ditentukan Oleh Pihak Diinsuranskan			
Seksyen III: Semua Risiko					
Kerosakan tidak sengaja ke atas peralatan pejabat, komputer serta perabot dan kelengkapan, tidak termasuk stok dan barang dagangan		Ditentukan Oleh Pihak Diinsuranskan			
Pilihan	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan Fleksi	
Seksyen IV: Kecurian					
Kehilangan harta akibat kecurian dan pecah masuk	RM25,000 atau Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan bagi Seksyen I – Kebakaran, mengikut mana mana yang lebih rendah	RM50,000 atau Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan bagi Seksyen I – Kebakaran, mengikut mana mana yang lebih rendah	RM100,000 atau Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan bagi Seksyen I – Kebakaran, mengikut mana mana yang lebih rendah	Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan	
Kerosakan pada peti besi berkunci atau bilik kebal	RM2,000	RM2,500	RM7,500		
Kerosakan pada premis	RM1,000	RM1,000	RM2,000		
Seksyen V: Wang					
Wang dalam transit	RM5,000	RM10,000	RM15,000	Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan	
Wang di dalam premis semasa waktu perniagaan	RM5,000	RM10,000	RM15,000		
Wang di dalam peti besi berkunci atau bilik kebal selepas waktu perniagaan	RM2,500	RM15,000	RM25,000		
Wang di dalam laci atau kabinet berkunci selepas waktu perniagaan	RM1,000	RM1,000	RM2,000		
Perlindungan Kemalangan Diri (Kematian atau Kehilangan Upaya Kekal) bagi dua (2) pekerja	RM10,000 setiap orang				
Seksyen VI: Jaminan Kesetiaan					
Melindungi kerugian kewangan langsung akibat sebarang perbuatan penipuan atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh mana mana pekerja anda berhubung dengan pekerjaan dan tugasnya	RM2,500	RM5,000	RM7,500	Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan	
Seksyen VII: Kepingan Kaca					
Perlindungan ke atas semua kepingan kaca termasuk di bilik pameran terhadap kerosakan tidak sengaja	RM2,500	RM5,000	RM10,000	Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan	
Seksyen VIII: Liabiliti Awam					
Melindungi terhadap liabiliti undang undang bagi ganti rugi, kos dan perbelanjaan pihak menuntut berkaitan kecederaan tubuh badan serta kerosakan harta benda pihak ketiga akibat kemalangan di premis yang diinsuranskan	RM250,000 setiap kemalangan (RM1,000,000 mana-mana satu tempoh)	RM500,000 setiap kemalangan (RM1,000,000 mana-mana satu tempoh)	RM1,000,000 setiap kemalangan (RM1,000,000 mana-mana satu tempoh)	Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan	
Seksyen IX: Liabiliti Majikan					
Melindungi terhadap liabiliti di sisi undang undang yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan kepada pekerja mereka bagi kecederaan tubuh badan (termasuk penyakit) yang dialami semasa menjalankan pekerjaan untuk Pihak Diinsuranskan.	RM250,000 setiap kemalangan (tanpa had mana-mana satu tempoh)	RM1,000,000 setiap kemalangan (tanpa had mana-mana satu tempoh)	RM1,000,000 setiap kemalangan (tanpa had mana-mana satu tempoh)	Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan	
Seksyen X: Insurans Kemalangan Diri Berkelompok					
Kematian & Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan (sehingga 12 pekerja)	RM10,000 setiap pekerja	RM20,000 setiap pekerja	RM30,000 setiap pekerja	Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan	
Had Aggregate	RM80,000	RM120,000	RM200,000		
Hilang Upaya Menyeluruh Sementara	RM100 setiap minggu				
Hilang Upaya Separa Sementara	RM50 setiap minggu				

Perbelanjaan Perubatan akibat Kemalangan	RM1,000			Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan
Elaun Tunai Hospital (Kemalangan – maksimum 100 hari)	RM100 setiap hari			
Perbelanjaan Penghantaran Pulang	RM2,000			
Perbelanjaan Pengebumian	RM2,000			
Premium Tahunan (Seksyen IV sehingga X)	RM188.63	RM410.81	RM684.31	Berdasarkan Jumlah Diinsuranskan / Had yang dipilih

PERLINDUNGAN TAMBAHAN

Seksyen XI: Jentera Berat Memberi pampasan kepada Pihak Diinsuranskan terhadap kerugian atau kerosakan pada peralatan akibat perlanggaran atau terbalik secara tidak sengaja, kebakaran, letupan luaran, penyalaaan sendiri, kilat, atau kecurian.	RM20,000	RM30,000	RM50,000	Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan
Premium Tahunan	RM22.50	RM33.75	RM56.25	Berdasarkan Jumlah Diinsuranskan / Had yang dipilih
Seksyen XII: Kerosakan Jentera Melindungi daripada kerugian atau kerosakan pada jentera anda semasa digunakan atau tdak digunakan serta ketika pembersihan, pemeriksaan, baik pulih atau pemindahan ke kedudukan lain di dalam premis.	Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan			
Premium Tahunan	Berdasarkan Jumlah Diinsuranskan / Had yang dipilih			
Seksyen XIII: Barangan dalam Transit Melindungi Pihak Diinsuranskan daripada sebarang kerugian atau kerosakan ke atas barang yang diangkut melalui jalan raya atau kereta api. Perlindungan diberikan di atas asas semua risiko, termasuk pampasan bagi kerugian atau kerosakan barangan akibat kebakaran, kemalangan, kecurian atau kehilangan semasa dimuatkan atau diturunkan daripada kenderaan, kereta api penumpang atau kereta api barang, serta ketika disimpan sementara dalam perjalanan biasa, sama ada di atas atau di luar pengangkutan.	RM15,000	RM30,000	RM50,000	Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan
Premium Tahunan	RM24.38	RM48.75	RM73.13	Berdasarkan Jumlah Diinsuranskan / Had yang dipilih
Seksyen XIV: Liabiliti Produk Memberi pampasan kepada Pihak Diinsuranskan terhadap kecederaan tubuh badan pihak ketiga dan kerosakan harta benda yang disebabkan oleh Produk Pihak Diinsuranskan.	RM100,000	RM200,000	RM300,000	Ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan
Premium Tahunan	RM243.75	RM487.50	RM731.25	Berdasarkan Jumlah Diinsuranskan / Had yang dipilih
Seksyen XV: Elaun Kesulitan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Tahap kemasukan pertama (bayaran sekaligus pada awal)	RM1,000	RM3,000	RM5,000	RM8,000
Tahap kemasukan kedua	10% daripada kerugian bersih terlaras sehingga RM10,000	10% daripada kerugian bersih terlaras sehingga RM30,000	10% daripada kerugian bersih terlaras sehingga RM50,000	10% daripada kerugian bersih terlaras sehingga RM80,000
Premium Asas (Seksyen I)	RM30	RM64	RM94	RM135
Premium Komprehensif (Seksyen I, III, & XI)	RM60	RM131	RM195	RM289
Seksyen XVI: Kerosotan Stok dalam Simpanan Sejuk (terpakai bagi Kod PIAM 2902 – Kedai Kopi dan Restoran) Memberi perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan pada barang akibat kerosotan yang berpunca daripada kerosakan tidak sengaja atau kerosakan jentera. Seksyen ini memerlukan sistem penyejukan diinsuranskan di bawah insurans Kerosakan Jentera. Sila pilih juga perlindungan Seksyen XII Kerosakan Jentera.	RM25,000			
Premium Tahunan	RM317			

Kehilangan Pendapatan Penjanaan Kuasa Solar Memberi perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan pada barang akibat kemerosotan yang berpunca daripada kerosakan tidak sengaja atau kerosakan mesin. Untuk mengaktifkan lanjutan ini, sistem kuasa solar mesti diinsuranskan di bawah Seksyen 1: Kerosakan Material. Sila pastikan jumlah yang diinsuranskan bagi sistem kuasa solar dimasukkan dalam seksyen tersebut.	RM6,000
Premium Tahunan	RM260

JADUAL PREMIUM		
Seksyen / Perlindungan	Jumlah Diinsuranskan / Had	Premium Tahunan
Seksyen I: Kebakaran (Mandatori)	RM	RM
Seksyen II: Kerugian Turutan	RM	RM
Seksyen III: Semua Risiko	RM	RM
Pakej		
Seksyen IV sehingga X (Pakej Penuh)	PELAN A / B / C	RM
Seksyen IV: Kecurian	RM	RM
Seksyen V: Wang	RM	RM
Seksyen VI: Jaminan Kesytaaan	RM	RM
Seksyen VII: Kepingan Kaca	RM	RM
Seksyen VIII: Liabiliti Awam	RM	RM
Seksyen IX: Liabiliti Majikan	RM	RM
Seksyen X: Insurans Kemalangan Diri Berkelompok	RM	RM
Perlindungan Tambahan		
Seksyen XI: Jentera Berat	RM	RM
Seksyen XII: Kerosakan Jentera	RM	RM
Seksyen XIII: Barangan di Transit	RM	RM
Seksyen XIV: Liabiliti Produk	RM	RM
Seksyen XV: Elaun Kesulitan	RM	RM
Seksyen XVI: Kemerosotan Stok	RM25,000	RM317
Kehilangan Pendapatan Penjanaan Kuasa Solar	RM6,000	RM260
Jumlah Premium		RM
Jumlah Premiun Tahunan (termasuk Cukai dan Duti Setem)		RM

BUTIRAN PENCADANG	
Nama (seperti dalam K/P/Pasport baharu):	
No. Telefon: No. Telefon Bimbit:	
No. K/P/Pasport Baharu: Tarikh Lahir: h h b b t t t t	
Status Perkahwinan: Warganegara: Jantina: P / L	
E-mel:	
Alamat Surat-Menyurat:	
Poskod:	
Kegunaan Peribadi: ☐ Ya ☐ Tidak	
Perjanjian Kolektif/SOCISO/Perjanjian Pampasan Pekerja: ☐ Ya ☐ Tidak	

BUTIRAN PREMIS YANG HENDAK DIINSURANSKAN

Nama Syarikat:	
	No. Pendaftaran Syarikat:
No. Telefon:	
Lokasi Premis:	
	Poskod:
Jenis Perniagaan:	
Klasifikasi Pembinaan:	
Tempoh Insurans: Dari	h h b b t t t t Kepada h h b b t t t t

SOAL SELIDIK (Sila tandakan (✓) Ya atau Tidak di mana berkenaan)**Soalan-soalan****Ya Tidak**

1. Adakah premis dilengkapi dengan Sistem Penggera Penceroboh? Jika 'ya', sila nyatakan jenis peranti pengesan dan sama ada sistem tersebut disambungkan kepada Sistem Pemantauan Pusat (CMS).

☐☐

Jenis Peranti Pengesan

Disambungkan kepada Sistem Pemantauan Pusat (CMS)

2. Sehubungan dengan risiko yang anda ingin diinsuranskan, nyatakan sama ada anda pernah mengalami kerugian dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu. Jika ya, sila sertakan butiran.

☐☐

Tarikh Kerugian	Huraian Kerugian	Jumlah Dituntut (RM)

3. Adakah terdapat sebarang insurans yang masih berkuat kuasa meliputi mana-mana harta yang hendak diinsuranskan dengan syarikat ini atau mana-mana syarikat insurans lain? Jika 'ya', sila nyatakan Jumlah Diinsuranskan, Nombor Polisi dan Nama Syarikat Insurans.

☐☐

Nama Syarikat Insurans	Nombor Polisi	Jumlah Diinsuranskan (RM)

4. Adakah cadangan insurans ini pernah ditolak, dibatalkan, tidak diperbaharui atau dikenakan syarat khas ataupun premium yang lebih tinggi oleh mana-mana syarikat insurans lain? Jika 'ya', sila berikan butiran.

☐☐

Tarikh	Nama Syarikat Insurans	Huraian

5. Adakah anda menyimpan rekod wang tunai di dalam peti besi berkunci dan stok?

☐☐

Soalan berkaitan Kerosakan Jentera**Ya Tidak**

1. Senarai Jentera dengan nilai untuk diinsuranskan.

☐ ☐

Jentera	Nilai untuk diinsuranskan (RM)

2. Adakah terdapat Kontrak Penyelenggaraan yang berkuat kuasa, di mana pemeriksaan keselamatan dan penyelenggaraan pencegahan dijadualkan secara berkala?

☐ ☐**Soalan berkaitan Barangan dalam Transit****Ya Tidak**

1. Huraian kargo yang diinsuranskan.

☐ ☐

Kargo diinsuranskan	Huraian

2. Adakah kenderaan dipasang dengan peranti keselamatan khas atau perlindungan? Jika ya, sila berikan butiran mengenai sebarang penggera, sistem nyahaktif (
- immobiliser*
-), atau kunci/selak khas.

☐ ☐

Jenis peranti keselamatan	Huraian

Soalan berkaitan Liabiliti Produk

1. Jenis perniagaan:

☐ Pengilangan ☐ Peniaga Runcit ☐ Pemborong/Pengedar ☐ Pengimport ☐ Lain-lain _____
(Sila nyatakan)

2. Senaraikan produk untuk dilindungi yang dikilang, dijual atau diedarkan oleh Pihak Diinsuranskan:

Nota: Produk yang hendak dilindungi di bawah Seksyen Liabiliti Produk mestilah termasuk dalam kategori berikut. Anda boleh mengisytiharkan lebih daripada satu (1) produk:

No.	Kategori Produk	Sila nyatakan produk yang hendak dilindungi
a)	Makanan & Minuman termasuk bahan-bahan dan perasa - tidak termasuk suplemen, ubat-ubatan, produk farmaseutikal, produk perubatan, ternakan, makanan sejuk beku, makanan atau minuman yang memerlukan rangkaian penyjukan, serta produk berkaitan alkohol.	
b)	Peralatan Elektrik Isi Rumah - tidak termasuk peralatan perubatan, peranti perubatan, peralatan/peranti/alatan sukan, produk pemadam api, peralatan/peranti memadam kebakaran, serta peralatan/peranti pengesan kebakaran.	
c)	Perabot Isi Rumah - tidak termasuk katil bayi, kerusi kereta bayi, perabot untuk bayi (berumur bawah 3 tahun), bangku, kerusi lipat, tangga, perabot lipat atau boleh dilipat, peralatan/peranti/alatan perubatan, serta produk pemadam api.	
d)	Tekstil, Pakaian dan Busana (tidak termasuk bagi bayi berumur bawah 3 tahun)	

No.	Kategori Produk	Sila nyatakan produk yang hendak dilindungi
e)	Produk Plastik Isi Rumah - tidak termasuk katil bayi, kereta sorong bayi, mainan untuk kanak-kanak berumur bawah tiga (3) tahun, perabot untuk kanak-kanak berumur bawah tiga (3) tahun, bangku, kerusi lipat, tangga, perabot lipat atau boleh dilipat, produk berkaitan kolam renang, peralatan rekreasi atau taman permainan, peralatan/peranti/alatan perubatan, serta produk pemadam api.	
f)	Kertas, Buku, Alat Tulis dan Kadbod (tidak termasuk bahan pembungkusan tembakau)	

Sebarang produk yang berada di luar kategori di atas tidak dilindungi di bawah insurans ini.

3. Adakah anda memenuhi syarat-syarat berikut?

- Perniagaan anda hendaklah telah beroperasi secara berterusan melebihi 12 bulan.
- Anggaran hasil tahunan atau perolehan anda bagi tahun kewangan akan datang adalah tidak melebihi RM5,000,000.
- Produk anda memenuhi piawaian keselamatan mandatori dan peraturan yang berkenaan.
- Tiada tuntutan atau keadaan yang diketahui bagi tempoh lima (5) tahun yang lalu.

☐ Ya ☐ Tidak

Jika jawapan adalah “tidak”, sila jelaskan di ruang di bawah (Nota: Permohonan insurans Liabiliti Produk anda tertakluk kepada penilaian penjaminan berasingan dan penerimaan khas)

Nota: Anda boleh mengemukakan salinan jadual polisi Liabiliti Produk dengan tempoh perlindungan insurans yang berterusan. Jika tidak, Tarikh Retroaktif Polisi akan menjadi tarikh permulaan polisi.

KAEDAH BAYARAN & PENGAKUAN

Saya ingin membayar premium RM _____ (termasuk 8% Cukai Perkhidmatan) ("Jumlah Amaun Yang Perlu Dibayar")

Dengan: ☐ Tunai ☐ Cek (Sila palangkan cek dan di atas nama 'Generali Insurance Malaysia Berhad')

Bank	No. Cek	Jumlah (RM)

☐ Pemindahan Dalam Talian

☐ Kad Kredit / Debit

Nota:

- Untuk pemindahan dalam talian, pembayaran kad kredit dan debit, sila rujuk wakil perkhidmatan Generali anda untuk maklumat akaun bank Syarikat.
- Kutipan pembayaran tidak boleh dianggap sebagai penerimaan permohonan anda sehingga cadangan diuluskan oleh penanggung insurans dan tertakluk kepada kelulusan pembayaran jika dibuat melalui cek atau kad kredit. Jika kad kredit ditolak, permohonan/pembaharuan (yang berkenaan) serta resit dianggap dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan.

1. Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa segala jawapan dan pernyataan yang diberikan adalah benar, dan saya/kami telah mendedahkan segala informasi yang berkaitan dengan permohonan ini. Saya/Kami faham bahawa adalah menjadi kewajipan saya/kami untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan dalam Borang Cadangan ini dan saya/kami dengan ini mengisytiharkan bahawa saya/kami telah menjawab soalan-soalan di atas dengan lengkap dan tepat.
2. Saya/Kami dengan ini membenarkan Generali Insurance Malaysia Berhad dan/atau mana-mana syarikat di bawah Kumpulan Generali dan/atau mana-mana syarikat berkaitan, dalam atau luar Malaysia, untuk memproses data peribadi saya/kami untuk tujuan dan dalam skop Notis Data Privasi.
3. Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca dan memahami lembaran pendedahan produk (LPP), polisi dan bersetuju untuk terikat dengan segala terma dan syarat yang terkandung. Saya/Kami turut mengambil maklum terhadap tanggungjawab sebagai pemilik polisi di bawah kontrak polisi dan telah menghubungi wakil daripada Generali Insurance Malaysia Berhad untuk mendapatkan penjelasan terhadap mana-mana terma yang saya/kami tidak faham sebelum bersetuju untuk terikat dengan kontrak ini.

- ☐ Saya/Kami telah membaca dan bersetuju dengan segala terma dan syarat yang dinyatakan di atas (Mandatori).
- ☐ Saya/Kami bersetuju untuk menerima sebarang tawaran istimewa, promosi dan informasi yang berkaitan dengan produk insurans, acara dan servis daripada Generali Insurance Malaysia Berhad dan/atau sebarang syarikat berkaitan dengan Kumpulan Generali (Pilihan).

Tandatangan Pencadang:

Tarikh: hh/bb/tttt

PENGAKUAN OLEH PENGANTARA/PENANGGUNG INSURANS

Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah melihat salinan asal K/P/Pasport/Dokumen Pendaftaran Perniagaan dan telah mengesahkan identiti Pencadang.

Tandatangan Pengantara/Penanggu Insurans:

Tarikh: hh/bb/tttt

Nama:

Kod Agensi:

NOTIS DATA PRIVASI

Privasi anda adalah penting bagi kami, Generali Insurance Malaysia Berhad ("Generali Malaysia"), dan kami komited sepenuhnya untuk memastikan data peribadi anda di bawah jagaan kami adalah selamat dan terjamin selaras dengan "Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta"). Perenggan berikutnya akan memberi anda pemahaman yang lebih baik mengenai cara kami mengumpul, memproses, menggunakan, menyimpan, menjamin, mengekalkan ketepatan serta cara untuk anda mengakses data peribadi anda.

Pengumpulan Data Peribadi

Untuk memproses pembelian polisi insurans dan melaksanakan perkhidmatan polisi, anda perlu memberi kami data peribadi yang wajib diberikan seperti nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir, alamat, nombor telefon, maklumat berkaitan dengan keadaan kesihatan atau perubatan anda, nombor kad bagi tujuan pembayaran, nombor akaun bank, penilaian kelayakan kredit, kewangan, keluarga dan bukan keluarga, media sosial dll. Data peribadi anda direkodkan di dalam borang cadangan atau permohonan dan dokumen-dokumen lain yang berkenaan apabila anda berurusan atau apabila anda memerlukan penukaran atau perubahan ke atas maklumat peribadi anda. Data peribadi yang disediakan oleh anda akan dimasukkan ke dalam sistem maklumat kami untuk diproses, disimpan dan untuk pelaksanaan kewajipan kami berkaitan dengan polisi anda.

Pemprosesan dan Penggunaan Data Peribadi

Kami memproses data peribadi anda untuk tujuan berikut:

1. untuk pelaksanaan perjanjian di antara Generali Malaysia dan anda;
2. untuk pelaksanaan fungsi-fungsi kami;
3. untuk pelaksanaan proses ketelitian wajar kami untuk mengendalikan semakan latar belakang untuk memperakui dan mengesahkan maklumat yang disediakan oleh anda;

4. untuk mematuhi semua undang-undang, kaedah, peraturan, garis panduan dan/atau keperluan undang-undang atau kawal atur yang terpakai, dan juga untuk keperluan kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang, dan apa-apa pihak berkuasa yang kami tertakluk kepada, atau apa-apa perintah Mahkamah;
5. untuk tujuan litigasi, membela atau membalas sewajarnya kepada tindakan undang-undang sebenar atau berpotensi atau pertanyaan yang melibatkan badan kawal selia dan badan bukan kawal selia;
6. untuk melindungi hak-hak dan hartanah kami secara umum dan juga untuk memastikan kecekapan teknikal dan pemfungsian sistem kami;
7. untuk memantau dan mengesan apa-apa aktiviti penipuan dalam industri insurans;
8. untuk pemasaran (termasuk pemasaran langsung) produk insurans;
9. untuk mengendalikan penyelidikan pasaran, memahami dan menganalisa tingkah laku, lokasi, pilihan dan demografi pelanggan kami agar kami dapat menawarkan kepada anda produk dan perkhidmatan lain dan juga melaksanakan tawaran khas dan program pemasaran yang mungkin relevan kepada pilihan dan profil anda; dan
10. untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda melalui agensi pelaporan kredit; dan
11. tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan di atas.

Semua data peribadi yang diminta oleh kami adalah wajib kecuali dinyatakan sebaliknya. Sekiranya anda tidak menyediakan kepada kami maklumat yang berkenaan, kami mungkin tidak dapat menyediakan anda perlindungan insurans atau membalas kepada apa-apa tuntutan.

Pemindahan Data Peribadi

Disebabkan sifat global Generali Malaysia, syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat berkaitan ("Kumpulan Generali") dan rangkaian perniagaan di seluruh dunia, untuk tujuan yang dinyatakan di atas, kami mungkin memindahkan data peribadi di peringkat antarabangsa kepada pihak di negara lain yang mempunyai rejim perlindungan data yang berbeza. Data peribadi mungkin dipindahkan ke pusat data Kumpulan Generali, pembekal perkhidmatan, rakan kongsi perniagaan, agensi pelaporan kredit, pihak berkuasa kerajaan atau pentadbiran untuk memenuhi tujuan secara langsung atau tidak langsung sepadan dengan tujuan pegumpulan data peribadi.

Penzahiran Data Peribadi

Kami mungkin menzahirkan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas kepada pihak-pihak berikut (termasuk di dalam dan di luar Malaysia):

1. Kumpulan Generali;
2. mana-mana ejen, pembekal perkhidmatan, kontraktor atau pihak ketiga yang menyediakan apa-apa perkhidmatan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan Generali;
3. mana-mana orang yang mempunyai kewajipan kerahsiaan kepada kami; sebagai contoh, juruaudit luar, pengamal perubatan, pemegang amanah, syarikat insurans, dan aktuari;
4. agensi kerajaan, badan pengatur, dan pihak berkuasa lain;
5. rakan-rakan perniagaan dan pakatan strategik kami;
6. pemegang serah hak atau bakal pemegang serah hak, pemeroleh atau bakal pemeroleh dan pengganti hakmilik kami; dan
7. mana-mana pihak lain, yang mana anda telah memberi persetujuan untuk menzahirkan data peribadi anda.

Dengan menyambungkan akaun platform digital Generali Malaysia anda dan akaun media sosial anda yang lain, anda membenarkan kami mendedahkan data dengan pembekal akaun media sosial anda yang lain dan anda memahami bahawa penggunaan data yang kami dedahkan akan dikawal selia oleh polisi privasi laman web media sosial penyedia perkhidmatan yang lain. Jika anda tidak mahu data peribadi anda didedahkan dengan pengguna lain atau dengan penyedia akaun media sosial anda yang lain, sila jangan pautkan akaun media sosial anda yang lain dengan akaun platform digital Generali Malaysia anda dan jangan ambil bahagian dalam perkongsian sosial di platform digital Generali Malaysia;

Anda juga boleh mendedahkan data peribadi pada papan mesej, laman sembang, halaman profil dan blog, serta platform digital Generali Malaysia lain di mana anda boleh memuat naik data dan kandungan. Sila ambil maklum bahawa sebarang maklumat yang anda muat naik atau dedahkan melalui platform ini akan dilihat oleh pelawat, pengguna platform digital Generali Malaysia serta komuniti. Kami menasihati anda supaya berhati-hati apabila cuba mendedahkan data peribadi anda, atau sebarang maklumat lain yang berkaitan apabila menggunakan platform digital Generali Malaysia.

Permintaan untuk Akses, Pembetulan dan Memadam Data

Kami mengambil semua langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi yang disediakan oleh anda atau pihak yang dibenarkan oleh anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini dengan tujuan data peribadi tersebut dikumpul dan diproses selanjutnya.

Di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan, anda mempunyai hak untuk:

- mengakses atau meminda atau membetulkan data peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini;
- meminta pemadaman data peribadi anda di bawah alasan tertentu;
- menarik balik kebenaran anda atau meminta perubahan kepada skop persetujuan anda;
- membuat aduan kepada Generali Malaysia mengenai pengendalian data;

Sila ambil perhatian bahawa sesetengah data peribadi mungkin dikecualikan daripada hak akses, pembedaan, bantahan, pemadaman atau penindasan mengikut undang-undang perlindungan data tempatan.

Perlindungan Data Peribadi

Melaksanakan langkah yang mencukupi untuk melindungi data peribadi anda adalah keutamaan Generali Malaysia untuk memastikan ia sejajar dengan privasi data dan undang-undang perkhidmatan kewangan yang berkaitan. Namun begitu, tiada penghantaran data melalui internet atau sistem storan data boleh dijamin sepenuhnya. Jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa interaksi anda dengan kami terjejas, sila maklumkan kepada kami dengan segera.

Penyimpanan

Kami tidak akan menyimpan data peribadi anda lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan asal ia dikumpul. Kami akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi anda dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika tidak lagi diperlukan melainkan pengekalan sedemikian diperlukan untuk tujuan operasi, audit, undang-undang, kawal selia, cukai atau perakaunan kami.

Produk dan Perkhidmatan Baru

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mempromosikan kesedaran dan pemahaman lebih mendalam terhadap produk dan perkhidmatan baru kami yang berfaedah kepada anda, kami dari semasa ke semasa akan menghubungi atau menghantar maklumat berkaitan dengan produk dan perkhidmatan baru tersebut kepada anda.

Pertanyaan dan Aduan

Sekiranya anda perlu menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan, pembedaan, pemadaman atau aduan, sila hubungi unit Perkhidmatan Pelanggan kami di 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121 (Isnin – Jumaat 8:45 pagi – 5:00 petang, kecuali cuti umum) atau e-mel customer.service.gi@generali.com.my.

*Nota: Akta ini tidak terpakai bagi:

- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;
- bagi apa-apa data peribadi yang diproses di luar Malaysia melainkan jika data peribadi itu diniatkan untuk diproses selanjutnya di Malaysia; dan
- data peribadi yang diproses untuk invoice elektronik yang dikeluarkan atau dihantar kepada Ketua Pengarah di bawah Akta Kewangan (No. 2) 2023.

Sekiranya terdapat pertikaian dan percanggahan mengenai Terma-terma dan Syarat-syarat di antara Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan. Untuk maklumat selanjutnya, sila rujuk “Notis Data Privasi” di laman web kami.